



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/12/24/0171 (9)
Tarikh : 12 Disember 2024

MILLENIA AQUA SERVICES SDN. BHD.

24A & B,
Medan Istana 1,
Bandar Ipoh Raya,
30000 Ipoh,
Perak Perak Darul Ridzuan
(u.p: En. Syed Nazrin Bin Syed Abdullah)

Tuan/Puan,

PROJEK / KERJA : PROJEK MENGURANGKAN AIR TIDAK BERHASIL (NRW) DI DAERAH KINTA. - PEMASANGAN FLOWMETER DAN LINK-UP DI JALAN TAMBUN.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut:

| Bil. | Perkara |
|------|---|
| i. | Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM 5100.00 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-12-0171) |
| ii. | Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 1800.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf. |
| iii. | Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bak Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap). |
| iv. | Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan. |
| v. | Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm). |
| vii. | Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit. |

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/12/24/0171 (9)
Tarikh : 17 Disember 2024

PROJEK / KERJA : PROJEK MENGURANGKAN AIR TIDAK BERHASIL (NRW) DI DAERAH KINTA. - PEMASANGAN FLOWMETER DAN LINK-UP DI JALAN TAMBUN.
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA (Sebut Harga: QT-12-0171) bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan MBI dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Cik Siti Nor Amanina Binti Ramli** di talian **011-21567382** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima. Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OPS/16122024/Koridor/Nina





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/12/24/0171 (9)
Tarikh : 12 Disember 2024

**PROJEK / KERJA : PROJEK MENGURANGKAN AIR TIDAK BERHASIL (NRW) DI DAERAH
KINTA. - PEMASANGAN FLOWMETER DAN LINK-UP DI JALAN
TAMBUN.**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

s.k :

Pengarah Kejuruteraan Bandaraya
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

